

18 JUN 2003

Umno-Vietnam/I

HUBUNGAN BAIK VCP DAN UMNO BANTU PERKUKUH HUBUNGAN

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Hubungan dan persefahaman baik yang sedia terjalin antara Parti Komunis Vietnam (VCP) dan Umno telah membantu kedua-dua negara membina hubungan yang lebih kukuh.

Seorang anggota jawatankuasa pusat VCP Bui Quang Huy memberitahu Bernama di sini hari ini bahawa Hanoi yakin hubungan ini akan dipertingkatkan lagi apabila Timbalan Presiden Umno yang juga Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengambil alih pimpinan negara daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas Oktober tahun ini.

Quang Huy juga berkata hubungan baik yang mula tersemai pada pertengahan 1990 apabila parti itu dijemput buat pertama kali menghadiri perhimpunan agung Umno, telah membantu pemimpin kedua-dua negara membina hubungan yang lebih baik dalam bidang kerjasama ekonomi, politik dan rakyat dengan rakyat.

Beliau berkata sejak itu banyak pertukaran lawatan telah dilakukan antara para pemimpin dan delegasi kedua-dua parti sepanjang 10 tahun lepas.

"Saya berharap hubungan antara parti dan pemimpin kedua-dua negara akan dipupuk lebih erat pada masa akan datang," katanya.

"Hubungan baik sedia ada akan menyumbang kepada kestabilan dan keamanan rantau ini." katanya.

Semasa menjawab soalan mengenai harapannya terhadap Umno, Quang Huy berkata beliau berharap Umno akan bertambah kukuh dari segi keanggotaan dan bertambah kuat dari segi perpaduan untuk kebaikan negara dan rakyat.

"Kami berharap selepas Dr Mahathir mengalihkan kuasa kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hubungan kita dipereratkan lagi dan negara anda akan terus membangun," katanya.

Beliau berkata Abdullah mempunyai segala kemampuan untuk memimpin parti dan negara ke tahap yang lebih cemerlang.

VCP ditubuhkan pada 3 Feb 1930 oleh mendiang Ho Chih Minh, pengasas negara itu dan kini ia mempunyai lebih daripada dua juta anggota. Parti itu memainkan peranan penting memerangi kuasa penjajah dan juga Amerika Syarikat yang dikalahkan pada 1975.

-- BERNAMA

RV SSA RON